

**MIC Kedah Berterima Kasih Kepada PM Lulus Pembinaan Sekolah Tamil
Bernama
24 Januari, 2012**

PADANG SERAI, 24 Jan (Bernama) -- MIC Kedah Selasa mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak kerana meluluskan peruntukan membina sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SRJKT) di negeri ini.

Pengerusinya S Ananthan berkata masyarakat India di negeri ini amat menghargai keprihatinan Perdana Menteri itu yang mengumumkan pembinaan SRJKT Taman Keladi di Sungai Petani, semalam.

"MIC Kedah membuat permohonan projek itu beberapa tahun lepas dan pengumuman pada Isnin menunjukkan Perdana Menteri prihatin kehendak rakyat pelbagai kaum," katanya ketika ditemui pemberita selepas memberi sumbangan kepada mangsa kebakaran di Taman Makmur, di sini Selasa.

Hadir sama Pengurus Yayasan Strategik Sosial MIC S P Karuppiyah yang menyampaikan sumbangan bagi pihak Presiden MIC Datuk G Palanivel.

Sumbangan sebanyak RM1,000 adalah sumbangan awal bagi meringankan beban mereka dan MIC akan menimbang sumbangan tambahan jika perlu, kata Karuppiyah.

Dalam kejadian 3 Dis lepas itu, tiga keluarga tinggal sehelai sepinggang selepas rumah mereka musnah dijilat api.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641855>